

Persiapan hadapi air pasang besar

» *MBJB pasang enam pam di pintu air utama elak berlaku banjir*

Oleh Junita Mat Rasid
junita@bh.com.my

► **Johor Bahru**

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) memasang enam pam di pintu air utama di bandar raya ini sebagai persiapan menghadapi fenomena air pasang besar yang boleh menyebabkan banjir jika disusuli hujan lebat.

Datuk Bandar, A Rahim Nin, berkata pam itu akan bertindak mengeluarkan air dari sungai ke laut jika hujan lebat berlaku ketika air pasang besar.

Waspada perubahan cuaca
Pada masa sama katanya, pihaknya menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dengan perubahan cuaca terutama jika hujan lebat pada tarikh air pasang besar dijangka berlaku.

“Fenomena air pasang besar biasa berlaku. Apa yang kita khuatir ialah jika air pasang besar itu berlaku ketika hujan lebat yang boleh menyebabkan berlaku banjir.

“Sehubungan itu, kita membuat beberapa persiapan, termasuk memasang enam pam di pintu air sejak empat hari lalu bagi membolehkan air dari Sungai Sengget dipam keluar jika berlaku hujan lebat ketika air pasang.

“Ketika air pasang, kita terpaksa menutup pintu air bagi mengelak air laut masuk. Jika hujan lebat luar biasa berlaku pada masa itu, kita perlu pam air dari sungai ke laut bagi mengelak banjir,” katanya kepada *BH* selepas meninjau persiapan menghadapi feno-

mena air pasang besar di Pintu Air Sungai Segget di sini, semalam.

A Rahim berkata, orang ramai termasuk mereka yang bekerja di Singapura juga diminta berwaspada dan jangan meletakkan kenderaan di lokasi yang berisiko mudah tenggelam jika hujan lebat.

“Sepanjang musim tengkujuh pada hujung tahun biasanya berlaku fenomena air pasang besar. Jika hanya air pasang besar, tiada masalah. Apa yang bimbang ialah air pasang besar berlaku serentak dengan hujan lebat yang menyebabkan risiko banjir,” katanya.

A Rahim berkata, enam pam itu mampu mengepam kira-kira 180 liter air sesaat yang berupaya mengalirkan air ke laut jika berlaku peningkatan air susulan hujan lebat dan air pasang besar.

Elak berlaku banjir

Katanya, apabila projek tebatan banjir Sungai Segget siap sepenuhnya menjelang Jun tahun depan, proses mengepam air itu akan berjalan secara automatik jika air mencapai paras yang ditetapkan, sekali gus mengelak berlaku banjir di kawasan bandar raya.

BH sebelum ini melaporkan fenomena air pasang besar dijangka berlaku di Selat Tebrau di sini, selama seminggu mulai hari ini yang menyebabkan paras laut meningkat sehingga 3.7 meter.

MBJB dalam laman webnya melaporkan, jika hujan lebat berterusan ketika air pasang besar, ia boleh menyebabkan banjir terutama di kawasan bandar dan kawasan rendah berhampiran tepi pantai atau sungai.

Pada 16 November lalu, hujan lebat dalam tempoh sejam menyebabkan beberapa jalan utama ditenggelami air di sekitar pusat bandar, terutama di Jalan Wong Ah Fook di sini yang ditenggelami air sehingga 1.5 meter hingga menyebabkan berpuh kenderaan terperangkap dalam banjir kilat.